

RM 2.90 (SM) RM 3.20 (S S)

Jawapan



Sila Imbas di Sini

ISBN 978-629-7650-47-0



9 786297 650470

MODUL UASA

BAHASA MELAYU

Tahun 6

GEMILANG

6 Set

AMARAN PERLINDUNGAN HAK CIPTA

Hak cipta terpelihara. Mana-mana bahagian, artikel, ilustrasi dan isi kandungan daripada terbitan ini tidak dibenarkan dikeluarkan dalam apa-apa juga bentuk dan dengan apa-apa juga cara sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, digital, rakaman atau cara-cara lain. Pemegang hak cipta dengan ini mengisytiharkan bahawa akan mengambil tindakan undang-undang yang tegas jika terdapat sebarang pelanggaran oleh mana-mana pihak atau organisasi yang didapati bersalah melanggar hak cipta ini. Jika terdapat pelanggaran hak cipta, sila laporkan kepada: 03-6275 2300

6

MODUL UASA

(UNIT 19 - 24)

BAHASA
MELAYU
Tahun 6

Nama: _____ Kelas: _____

011

1 jam 15 minit

Satu jam lima belas minit

ARAHAN:

1. Buka kertas ujian ini apabila diberitahu.
2. Tulis nama dan nama kelas kamu pada ruang yang disediakan.
3. Jawapan kamu hendaklah ditulis pada ruang jawapan yang disediakan di dalam kertas ujian ini.
4. Kertas ujian ini hendaklah diserahkan kepada guru bertugas pada akhir ujian.

Untuk Kegunaan Pemeriksa			
Nama Pemeriksa:			
Bahagian	Soalan	Markah Penuh	Markah Diperoleh
A	1-10	10	
B	1	5	
	2	5	
C	1	10	
D	1	20	
Jumlah		50	

Nama: _____ Kelas: _____

011

1 jam 15 minit

Satu jam lima belas minit

ARAHAN:

1. Buka kertas ujian ini apabila diberitahu.
2. Tulis nama dan nama kelas kamu pada ruang yang disediakan.
3. Jawapan kamu hendaklah ditulis pada ruang jawapan yang disediakan di dalam kertas ujian ini.
4. Kertas ujian ini hendaklah diserahkan kepada guru bertugas pada akhir ujian.

Untuk Kegunaan Pemeriksa			
Nama Pemeriksa:			
Bahagian	Soalan	Markah Penuh	Markah Diperoleh
A	1-10	10	
B	1	5	
	2	5	
C	1	10	
D	1	20	
Jumlah		50	

BAHAGIAN A

[10 markah]

Soalan 1 dan 2

Pilih jawapan yang paling sesuai. SP 5.1.1 (iii)

- 1 “_____ perlu membawa peralatan yang sesuai untuk gotong-royong esok,” pesan Cikgu Lam kepada murid-murid.
A Awak
B Kami
C Kalian
D Mereka
- 2 _____ yang berminat boleh mendaftarkan nama untuk menyertai pertandingan itu.
A Apa-apa
B Bila-bila
C Siapa-siapa
D Mana-mana

Soalan 3

Pilih ayat yang betul. SP 5.1.2

- 3 A Li Chen mengucapkan terima kasih sambil berpeluk ibunya.
B Permainan itu bertujuan untuk menguji kecergasan murid-murid.
C Noah tidak dapat terlihat objek yang jauh kerana menghidap miopia.
D Hanna memeranjat apabila mendapati seekor lipas di atas meja tulisnya.

Soalan 4 hingga 6

Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya. SP 2.1.1

Pada minggu yang lalu, saya telah menyertai Pertandingan Mengarang Bahasa Melayu Peringkat Daerah Kuala Selangor. Dalam pertandingan itu, saya diumumkan sebagai pemenang pertama dan mendapat hadiah wang tunai sebanyak RM500.

Sebaik sahaja menerima wang itu, ibu terus membawa saya ke bank untuk menyimpan separuh daripada wang yang saya peroleh itu. Menurut kata ibu, wang yang disimpan di bank itu boleh digunakan pada masa hadapan atau waktu kecemasan.

Wang yang separuh lagi pula saya gunakan untuk membeli buku rujukan, buku latihan dan bahan bacaan. Saya juga membeli sebuah kamus Bahasa Melayu. Saya dapat mencari maksud perkataan yang sukar dengan menggunakan kamus itu.

Saya berasa gembira kerana dapat menggunakan wang tersebut untuk membeli barang yang diperlukan dalam pembelajaran. Saya tidak perlu meminta wang daripada ibu bapa. Dengan ini, saya dapat meringankan beban mereka.

- 4 Apakah pertandingan yang dimenangi penulis?
- A Pertandingan Berpantun
 - B Pertandingan Menulis Buku Cerita
 - C Pertandingan Nyanyian Lagu Melayu
 - D Pertandingan Mengarang Bahasa Melayu
- 5 Pilih pernyataan yang **benar** tentang petikan.
- A Penulis mendapat hadiah wang tunai sebanyak RM5 000.
 - B Penulis memenangi tempat kedua dalam pertandingan mengarang itu.
 - C Penulis menyimpan separuh daripada wang yang diperolehnya di bank.
 - D Bapa penulis yang membawa penulis ke bank untuk menyimpan wangnya.
- 6 Berikut ialah barang yang dibeli oleh penulis *kecuali*
- A buku teks.
 - B buku rujukan.
 - C bahan bacaan.
 - D kamus Bahasa Melayu.

Soalan 7 hingga 10

Baca maklumat dalam **Bahan 1** dan **Bahan 2** dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya. SP 3.2.3

BAHAN 1



Pertandingan Kelas Terbersih

SJK(C) Min Yik
Tarikh: 10 April 2025



Syarat-syarat:

- * Terbahagi kepada kategori kelas tahap satu & tahap dua
- * Setiap kelas wajib menyertai pertandingan
- * Kelas akan *dinilai* selepas dibersihkan
- * Kelas yang dihias dengan cantik akan diberi markah tambahan

Hadiah-hadiah menarik ditawarkan:

Tempat pertama :

- Piala, sijil, hamper dan cenderamata

Tempat kedua :

- Piala, sijil dan hamper

Tempat ketiga :

- Piala, sijil dan cenderamata

Bersempena dengan Hari Kesihatan Sedunia 2025, Kelab Seni Visual SK Sri Jaya telah mengadakan Pertandingan Melukis Poster Kesihatan pada 7 April yang lalu. Tujuan pertandingan itu adalah untuk mencungkil bakat murid-murid dalam melukis, di samping memberikan kesedaran kepada mereka tentang kepentingan menjaga kesihatan.

Pertandingan melukis poster terbuka kepada murid-murid tahap dua sahaja. Murid-murid perlu melukis poster mengikut tema yang ditentukan. Hasil lukisan murid-murid pula *dinilai* oleh guru-guru Pendidikan Seni Visual yang berpengalaman.

Keputusan pertandingan telah diumumkan semasa perhimpunan sekolah pada hari Isnin minggu berikutnya. Hadiah-hadiah disediakan untuk pemenang pertama, kedua dan ketiga. Selain itu, hadiah sagu hati turut diberikan untuk pemenang keempat hingga kesepuluh. Semua hadiah ditaja oleh sebuah syarikat pembekal produk kesihatan.

- 7 Pertandingan Melukis Poster Kesihatan diadakan bersempena dengan
- Hari Jantung Sedunia.
 - Hari Diabetes Sedunia.
 - Hari Kesihatan Sedunia.
 - Hari Kesihatan Mental Sedunia.

Tempat pertama:

- Piala, sijil, hamper dan cenderamata

- 8 Penjodoh bilangan yang sesuai dengan perkataan bergaris di atas ialah
- biji.
 - buah.
 - batang.
 - keping.
- 9 Perkataan *dinilai* dalam **Bahan 1** dan **Bahan 2** boleh digantikan dengan perkataan
- dikira berjaya.
 - diberi markah.
 - ditawarkan hadiah.
 - dijadikan pemenang.
- 10 Pilih pernyataan yang **benar** tentang **Bahan 1** dan **Bahan 2** di atas.
- Pertandingan Kelas Terbersih disertai oleh murid tahap dua sahaja.
 - Kelas yang dihias dengan cantik tidak akan mendapat markah tambahan.
 - Murid-murid tahap satu dan tahap dua layak menyertai Pertandingan Melukis Poster Kesihatan.
 - Pemenang-pemenang Pertandingan Melukis Poster Kesihatan akan mendapat hadiah berbentuk produk kesihatan.

BAHAGIAN B

[10 markah]

Soalan 1

Baca petikan di bawah, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya. SP 2.1.1

89, Jalan 1/5,
Taman Selasih,
02500 Kangar,
Perlis.
3 Jun 2025

Ke hadapan sahabatku, Hui Yin yang kini berada di Melaka. Semoga saudara berada dalam keadaan sihat sejahtera.

Saudari,

Tujuan saya menulis surat ini adalah untuk berkongsi satu berita baik. Saya telah mendapat seorang adik angkat baru-baru ini. Saya merupakan anak tunggal dalam keluarga. Oleh itu, ibu dan ayah berhasrat untuk mempunyai seorang anak lagi. Mereka berdua pun membuat keputusan untuk mengambil seorang anak angkat dari sebuah pusat kebajikan.

Saya amat menyayangi adik angkat saya. Adik angkat saya baru berusia dua bulan. Dia diberi nama Raifal Danial. Saya sentiasa membantu ibu menjaga adik angkat. Kadangkala, saya membantu ibu menyusukan adik angkat dan memandikannya. Saya juga akan membelai kepalanya jika dia ingin tidur dan melayan kerenahnya apabila dia terjaga. Pengalaman ini memang menarik. Saya tidak sabar-sabar hendak melihat adik angkat membesar.

Baiklah, sampai di sini sahaja coretan saya buat masa ini. Salam mesra daripada saya buat saudara sekeluarga.

Yang benar,
Rafikah Damya

1 (a) Rafikah Damya baru mendapat _____

[1 markah]

(b) Bagaimanakah Rafikah Damya membantu ibu menjaga adik angkatnya?

[2 markah]

- (c) *Bulatkan satu kata adjektif yang terdapat dalam ayat yang diberikan.*

Tujuan saya menulis surat ini adalah untuk berkongsi satu berita baik.

[1 markah]

- (d) *Pilih dan tuliskan (BETUL) bagi ayat yang sama maksud dengan ayat yang diberikan.*

Saya amat menyayangi adik angkat saya.

Adik angkat saya amat saya sayangi.	
Adik angkat saya amat disayangi saya.	

[1 markah]

Soalan 2

Baca dan fahami situasi di bawah.

Kemudian, berikan pendapat kamu berdasarkan situasi tersebut.

Panjangnya jawapan kamu hendaklah tidak lebih daripada 30 patah perkataan. SP.3.2.2

Seorang ahli keluarga kamu telah menghadapi penyakit. Dia memerlukan penjagaan rapi agar dapat sembuh dengan cepat.

- 2 Sebagai seorang ahli keluarga, apakah yang akan kamu lakukan?

[5 markah]

[10 markah]

Panjangnya jawaban kamu hendaklah tidak lebih daripada 50 patah perkataan.

```
graph TD; Title[Faedah-faedah Menjaga Kebersihan Kawasan Rumah] --- Junction(( )); Junction --- Box1([dapat tinggal dalam suasana yang bersih dan selesa]); Junction --- Box2([badan menjadi sihat]); Junction --- Box3([menghindari haiwan pembawa penyakit]);
```

Faedah-faedah Menjaga Kebersihan Kawasan Rumah

- dapat tinggal dalam suasana yang bersih dan selesa
- badan menjadi sihat
- menghindari haiwan pembawa penyakit

This image shows a single sheet of white paper with horizontal blue or grey ruling lines. The lines are evenly spaced and run across the width of the page. There are approximately 20 lines visible. The paper appears slightly aged or off-white. There is no handwriting or other markings on the page.

BAHAGIAN D

[20 markah]

Teliti bahan grafik di bawah. Kemudian, tulis sebuah karangan dalam bentuk karangan berformat atau karangan tidak berformat. Panjangnya karangan kamu hendaklah antara 50 hingga 80 patah perkataan. [SP 3.3.1]

MAJLIS PENYAMPAIAN HADIAH



1 Tuliskan sebuah cerita berdasarkan gambar di atas.

ATAU

2 Tuliskan sebuah catatan berdasarkan gambar di atas.

KERTAS UJIAN TAMAT